



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2015/2016

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SP 5308
Nama Kursus : Perbankan Islam dan Takaful
**Peringkat Kursus : Diploma Perundangan Islam dan
Guaman Syari'i**
Masa : 3 jam

Nota:

Jawab empat (4) soalan sahaja. Soalan pertama adalah wajib.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama: (14 markah)

Kemunculan sistem perbankan dan kewangan Islam dalam dunia perbankan dan kewangan konvensional telah memberi ruang kepada sistem takaful yang berasaskan konsep *al-Takaful*, *al-Mudarabah*, *al-Tabarru'* dan *al-Wakalah* dilaksanakan sebagai alternatif kepada insurans konvensional yang berasaskan *riba*, *gharar* dan perjudian yang dilarang oleh Islam.

1. *Al-Takaful* adalah asas insurans secara Islam. Sila jelaskan pernyataan tersebut berserta dalil al-Quran dan al-Hadith menggesa dan menggalakkan orang Islam bekerjasama, saling tolong-menolong dan tanggungjawab bersama.

(4 markah)

2. Sila jelaskan maksud konsep *Al-Mudarabah* dalam amalan *Al-Takaful* yang dipakai dalam perjanjian antara syarikat (pengendali) takaful dan peserta.

(4 markah)

3. Perkongsian untung melalui kontrak *Al-Takaful* boleh diperoleh melalui konsep *Al-Mudarabah* dan *Al-Wakalah*. Sila huraikan dengan lebih terperinci.

(6 markah)

Soalan Kedua: (12 markah)

1. Menurut *Encyclopedia Britannica*, insurans sebagai satu sistem iaitu pihak pengendali insurans (*insurer*) atas satu pertimbangan yang dipersetujui di awal kontrak, berjanji untuk membayar balik kepada orang yang dilindungi (*insured*) jika berlaku sesuatu yang tidak diingini yang menyebabkan berlakunya kerugian dalam suatu tempoh yang tertentu. Berdasarkan definisi ini, ada beberapa elemen penting yang membentuk kontrak insurans tersebut. Sila nyatakan elemen yang dimaksudkan. **(4 markah)**

2. Kontrak *Al-Takaful* dan Insurans memiliki aspek persamaan dan aspek perbezaan. Sila jelaskan secara terperinci aspek-aspek yang dimaksudkan di bawah ini mengikut kedua-dua kontrak tersebut. **(4 markah)**
 - a. Konsep kerjasama
 - b. Konsep keadilan
 - c. Perlindungan dan Tabungan

3. Bank Islam dan Bank Konvensional memiliki persamaan dalam beberapa keadaan, terutamanya jika di lihat dari sudut cara penerimaan pengurusan wang, cara melayan pelanggan dan dari segi teknologinya. Akan tetapi terdapat

beberapa faktor utama perbezaan antara kedua-duanya. Nyatakan dan huraikan faktor-faktor utama perbezaan antara bank Islam dan bank Konvensional tersebut. **(4 markah)**

Soalan Ketiga: (12 markah)

Al-Syarikah ataupun dikenali juga dengan nama *Musyarakah* adalah merupakan satu konsep dari pembiayaan ekuiti. Ia terbahagi kepada dua kategori yang besar; *Syarikah al-Milk* atau *al-Amlak* dan *Syarikat al-'Aqd* atau *al-'Uqud*.

1. Sila terangkan maksud kedua-dua kategori tersebut. **(4 markah)**
2. Terangkan maksud *al-Syarikah* yang berakhir dengan pemilikan secara terperinci beserta dalil dari ayat al-Quran dan al-Hadith menunjukkan kesahihan menurut Syara'. **(4 markah)**
3. Huraikan rukun-rukun *Al-Syarikah*. **(4 markah)**

Soalan Keempat: (12 markah)

1. Selesaikan kes-kes di bawah ini dengan memberi huraian secara terperinci.
 - a. Peserta meninggal dunia sebelum genap tempoh matang pelan takaful keluarga berasaskan konsep *Al-Mudarabah* yang disertai. **(4 markah)**
 - b. Pelan tempoh keluarga berasaskan konsep *Al-Mudarabah* yang disertai telah sampai tempoh matang. **(4 markah)**
2. Polisi *Al-Takaful* keluarga terbahagi kepada dua bahagian iaitu: Perlindungan asas dan Perlindungan tambahan. Jelaskan bahagian-bahagian yang dimaksudkan berserta contoh. **(4 markah)**

Soalan Kelima: (12 markah)

1. Dalam kontrak jual beli polisi insurans, rukun *ma'qud alaihi* diadakan mengandungi banyak perkara yang tidak jelas. Mana-mana akad jual beli yang tidak jelas boleh membawa kepada ketidaksamaan, menyebabkan akad yang

berat sebelah, sehingga membawa kemudharatan sebelah pihak. Ulama memutuskan akad yang tidak jelas ini mengandungi unsur *gharar*.


a. Secara umumnya, dalam kontrak jual beli polisi insurans, *gharar* boleh berlaku dalam situasi-situasi tertentu. Sila jelaskan situasi-situasi tersebut.

(4 markah)

b. Jelaskan maksud "*ma'qud 'alaihi*" dan "*gharar*" yang berlaku dalam kontrak jual beli polisi insurans.

(3 markah)

2. Berikut adalah Rajah Pelaksanaan Pembayaran Balik Pinjaman Hutang Dalam Sistem Konvensional. (5 markah)



Sila beri penjelasan soalan-soalan berikut:

- a. Jelaskan maksud A dan B
- b. Jelaskan maksud A dan C
- c. Jelaskan maksud C1 dan B
- d. Jelaskan maksud C1 dan Dz
- e. Jelaskan maksud D2 dan D2

بالتوفيق والنجاح